

Mercu kebanggaan PDRM

Oleh WAN NOOR HAYATI WAN ALIAS

SESUAPUN sahaja yang memasuki pintu B, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pasti laguh melihat bangunan 31 tingkat yang dinamakan Menara 1, tersendiri indah dengan reka bentuk futuristik di tangan anak tempatan.

Tiada siapa menyangka Menara 1 didirikan dengan gah di Bukit Aman yang dulu dikenali sebagai Bukit Ayang sebagai melalui transformasi masa dan teknologi seiring dengan pembangunan negara.

Tidak dinafikan, Menara 1 merupakan lambang kekuatan dan kebanggaan warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang turut dirasai seluruh rakyat negara ini.

Projek pembinaan Menara 1 bermula pada 3 Mac 2005 di tapak asal tempat meletak kenderaan Bukit Aman yang berkeluasan 1.4 hektar membabitkan kos kira-kira RM120 juta.

Bangunan dengan keluasan 85,000 meter persegi itu diamanahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) yang seterusnya memantau kerja-kerja pembinaan dilaksanakan secara teliti dan berperingkat sehingga siap sepenuhnya pada 21 April 2010.

Projek pembinaan itu telah diawgperahkan oleh JKR kepada syarikat Perwira Bintang Sdn. Bhd. sebelum siap sepenuhnya dan dirasmikan bersama sebuah pusat kesihatan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 12 April lalu.

Pembinaan bangunan Menara 1 adalah untuk menggantikan kompleks Jabatan Logistik yang ditempatkan di bangunan kayu separa kekal selain menempatkan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA) yang sebelum ini di bangunan Kompleks Tiga Bukit Aman.

Dalam ucapan perasmian, Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata, perubahan bangunan Menara 1 sebagai menara bongsu Bukit Aman mampu menempatkan 2,500 pegawai, anggota polis dan pegawai awam.

"Menara Dua dan Kompleks Tiga pula mampu menampung lebih daripada 5,500 orang menjadikan keanggotaan di Bukit Aman berjumlah lebih 8,000.

"Kesemua prasarana ini bertepatan dengan aspirasi Perdana Menteri yang telah melalui Pelan Strategik Lima Tahun dalam mengorak langkah menuju sebuah agensi penguatkuasaan bertaraf dunia," katanya.

Tambah Ismail, perubahan mercu kebanggaan itu telah merangsang warga PDRM untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara bersama kerajaan mencapai objektif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mengurangkan jenayah ke tahap minimum.

"Kami sebagai warga PDRM akan terus berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan serta sedia menempuh cabaran semasa dan masa depan. Itu janji kami," katanya lagi.

Sebelum ini, sejarah menyaksikan bangunan Menara Dua Bukit Aman pernah diangkat sebagai bangunan pernah diangkat sebagai bangunan tertinggi di Kuala Lumpur sehinggalah satu persatu bangunan pencakar langit tumbuh bagai cendawan selepas hujan

Kesemua prasarana itu bertepatan dengan aspirasi Perdana Menteri yang telah melalui Pelan Strategik Lima Tahun dalam mengorak langkah menuju sebuah agensi penguatkuasaan bertaraf dunia

seiring peredaran masa.

Sejarah pembangunan dan pemodenan PDRM bermula sejak negara mencapai kemerdekaan lagi.

Keperluan untuk menggantikan bangunan lama kepada yang lebih selesa, selamat dan moden seiring dengan peningkatan peranan serta cabaran PDRM dalam memastikan keselamatan juga keamanan negara sentiasa terpelihara.

Kemudahan prasarana PDRM dilihat sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa sejajar dengan transformasi menuju ke arah matlamat mencapai Kepolisian Bertaraf Dunia.



MEMARA baru Ibu Pejabat Polis Bukit Aman yang dirasmikan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.



NAJIB Tun Razak memeriksa perubasan semasa majlis perasmian Menara 1 Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, baru-baru ini.